

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat perlakuan bahasa dari sudut penukaran kod di kalangan penutur-penutur bahasa Jepun sebagai bahasa asing yang terdiri daripada bekas-bekas pelajar universiti Jepun dan bekas-bekas pelatih yang pernah berkursus di Jepun. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk serta frekuensi penukaran kod yang berlaku di antara kategori informan yang berlainan. Analisis kajian ini adalah berdasarkan pendekatan eklektik gabungan fungsi-fungsi komunikasi oleh Gumpertz (1977), Poplack (1988), Rayfield (1970) dan Kachru (1983). Kajian ini juga cuba menginterpretasi makna-makna sosial di sebalik penukaran kod dan mengkaji tahap penukaran kod di antara informan berlainan kategori pada tahap-tahap perkataan, frasa, klausa atau ayat. Hasil kajian telah mengenalpasti bentuk-bentuk penukaran kod yang menunjukkan pencapaian frekuensi penukaran kod yang tinggi berlaku pada fungsi pengelakan tanda, fungsi ungkapan kemudahan, fungsi pengenalan daftar dan fungsi pengulangan. Interpretasi makna-makna sosial yang telah dikenalpasti merangkumi konteks yang berkaitan dengan kerjaya, budaya, bangsa, keluarga, rakan karib dan pembelajaran bahasa. Penukaran kod juga didapati paling kerap berlaku pada tahap perkataan bagi kesemua kategori informan.

## ABSTRACT

This study aims to analyse code-switching occurring among the speakers of Japanese as a foreign language. The informants are ex-graduates from Japanese universities and ex-trainees that had undergone courses in Japan previously. The analysis of the study is based on an eclectic approach using a combination of conversational functions established by Gumpertz (1977), Poplack (1988), Rayfield (1970) and Kachru (1983). The main purpose of this study is to identify code-switching forms as well as frequency of occurrence of the various conversational functions in code-switching among different categories of informants. It also attempts to interpret the social meanings of the switchings and to study the switching levels at word, phrase, clause and sentence levels. The analysis of data showed that the frequency of occurrence in codeswitching among the informants appeared to be high in conversational functions of avoidance of marking, facility expressions, register identification and repetition. Interpretation of the social meanings is identified to cover contexts related to career, origin, culture, family, close friend as well as language. The analysis also showed that switching at word level was the most common feature in code-switching among all categories of informants.